

AMALAN PENGAJARAN BERASASKAN KOMUNITI
PEMBELAJARAN PROFESIONAL DALAM
KALANGAN GURU PENDIDIKAN
ISLAM DI SARAWAK

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

MOHD SYAFIQ BIN SHAMSUDDIN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024

**AMALAN PENGAJARAN BERASASKAN KOMUNITI PEMBELAJARAN
PROFESIONAL DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DI
SARAWAK**

MOHD SYAFIQ BIN SHAMSUDDIN

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓


INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 12 (hari bulan) 11 (bulan) 2024

i. Perakuan pelajar :

Saya, MOHD SYAFIQ SHAMSUDDIN M20221000616
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN (FSK) (SILA
NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa
disertasi/tesis yang bertajuk AMALAN PENGAJARAN BERASASKAN
KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL DALAM
KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DI SARAWAK
adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana
hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi
maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula
daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan
dengan se jelasnya dan secukupnya


Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

PROF. MADYA DR. NORHISHAM
Saya, BIN MUHAMAD (NAMA PENYELIA) dengan ini
mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk AMALAN PENGAJARAN
BERASASKAN KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL
DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DI SARAWAK
(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut
Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah
SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM) (SILA NYATAKAN NAMA
IJAZAH).

18 / 11 / 2024
Tarikh


Tandatangan Penyelia

PROF. MADYA DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD
Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

**AMALAN PENGAJARAN BERASASKAN KOMUNITI
PEMBELAJARAN PROFESIONAL DALAM
KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DI
SARAWAK**

No. Matrik / Matric's No.:

M20221000616

Saya / I:

MOHD SYAFIQ BIN SHAMSUDDIN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*



SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*



TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*



TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS



(Tandatangan Pelajar/ Signature)



(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: **18 / 11 / 2024**

PROF. MADYA DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD

Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanusiaan

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat dan penerangan pihak berkuasa organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang”

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya membolehkan saya menyiapkan disertasi ini dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih saya tujukan kepada pensyarah penyelia saya, Profesor Madya Dr. Norhisham bin Muhamad atas segala sokongan dan bimbingan yang tidak berbelah bahagi sepanjang saya menyiapkan disertasi ini. Tunjuk ajar yang tidak ternilai dan penyeliaan berterusan yang diberikan oleh beliau telah membolehkan saya menyiapkan disertasi ini dalam tempoh masa cuti belajar yang diperuntukkan kepada saya. Saya benar-benar berhutang budi kepada beliau atas kesabaran dan nasihat yang amat berguna. Saya juga mempunyai pengiktirafan khas untuk semua insan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terutamanya semua pensyarah dan rakan seperjuangan yang membantu dan memberi inspirasi sepanjang proses menyiapkan disertasi ini. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atas penganugerahan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) di peringkat ijazah sarjana kepada saya. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada pihak Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, Pejabat Pendidikan Daerah di bahagian Mukah, Sarawak dan guru-guru besar sekolah yang telah memberi kebenaran serta sudi memabntu saya dalam proses menyiapkan disertasi ini. Akhirnya, penghargaan buat isteri tercinta, Dr. Nurul Widad binti Shukri, bonda, ayahanda dan adinda-adinda tersayang, Asiah binti Majid, Shamsuddin bin jelani, Mohamad Syahrin dan Mohamad Syakir atas sokongan padu sepanjang perjalanan ijazah sarjana ini. Penghargaan saya kepada semua pihak adalah tulus.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis tahap amalan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) bagi dimensi pembelajaran secara kolektif dan pengaplikasian, tahap amalan pengajaran serta hubungannya dalam kalangan guru Pendidikan Islam (GPI) sekolah rendah di daerah Mukah. Pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan serta soal selidik telah digunakan dalam kajian ini. Sampel kajian terdiri daripada 160 orang GPI dengan menggunakan teknik pensampelan rawak mudah. Analisis deskriptif (min, sisihan piawai) dan analisis inferensi (korelasi Pearson) digunakan untuk menjawab setiap persoalan kajian. Dapatan kajian menunjukkan tahap amalan pembelajaran secara kolektif ($M=4.22$, $SP=0.54$) berada pada tahap sangat tinggi manakala amalan pembelajaran pengaplikasian ($M=3.68$, $SP=0.67$) berada pada tahap tinggi. Tahap amalan pengajaran pula berada pada tahap yang sangat tinggi dengan nilai min 4.33 dengan sisihan piawai 0.42. Analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara amalan pembelajaran secara kolektif terhadap amalan pengajaran ($r=0.779$, $p<.01$) dan amalan pembelajaran secara pengaplikasian terhadap amalan pengajaran ($r=0.561$, $p<.01$). Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa GPI sekolah rendah di bahagian Mukah, Sarawak mengamalkan KPP bagi dimensi pembelajaran secara kolektif dan pengaplikasian. GPI sekolah rendah di bahagian Mukah, Sarawak turut mengamalkan amalan pengajaran dengan baik. Kajian ini juga turut membuktikan bahawa KPP memberikan impak positif terhadap amalan pengajaran GPI. Implikasi kajian ini boleh digunakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membuat penambahbaikan amalan KPP dalam kalangan guru bagi membantu dalam meningkatkan amalan pengajaran sekali gus memastikan kelangsungan kemenjadian murid.



THE PROFESSIONAL LEARNING COMMUNITY (PLC) BASED TEACHING PRACTICES AMONG ISLAMIC EDUCATION TEACHERS IN SARAWAK

ABSTRACT

The study aims to analyze the level of practice of the Professional Learning Community (PLC) for the dimensions of learning collectively and application, the stage of teaching practice as well as its relationship among the teachers of Islamic Education (GPI) of the primary school in Mukah area. The study sample consisted of 160 GPI people using simple random sampling techniques. Descriptive analysis (min, standard deviation) and inference analysis (Pearson's correlation) are used to answer any study question. The results of the study showed that the level of collective learning practice ($M=4.22$, $SP=0.54$) was at a very high level whereas the applied learning practices ($M=3.68$, $SP=0.67$) were at a high level. The level of teaching practice was at an extremely high level with a minimum of 4.33 with a standard deviation of 0.42. Pearson's correlation analysis showed a significant positive relationship between collective teaching practices and teaching ($r=0.779$, $p<0.01$) and applied teaching Practices ($r=0.561$, $p<0.01$). In conclusion, this study shows that the GPI of the primary schools in Mukah, Sarawak practices KPP for learning dimensions collectively and applications. The GPI in the primary school in Mukah, Sarawak also practices teaching practices well. The study also demonstrates that KPP has a positive impact on GPI teaching practice. Implications of this study can be used by the Malaysian Ministry of Education to make improvements to PLC practices among teachers in order to help in improving the practice of teaching to ensure the survival of pupils.

SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	x
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	4
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Tujuan Kajian	12
1.5 Objektif Kajian	12
1.6 Soalan Kajian	13
1.7 Hipotesis Kajian	14
1.8 Kerangka Teori Kajian	14
1.9 Kerangka Model Kajian	17
1.9.1 Model Pengajaran Ibnu Khaldun	20
1.10 Kerangka Konseptual Kajian	22
1.11 Batasan Kajian	23

1.12	Kepentingan Kajian	25
1.12.1	Kepentingan terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	25
1.12.2	Kepentingan terhadap pihak sekolah	26
1.12.3	Kepentingan terhadap guru	27
1.13	Definisi Operasional	27
1.13.1	Komuniti Pembelajaran Profesional	27
1.14	Rumusan	29

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	30
2.2	Latar Belakang Model Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP)	30
2.3	Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) di Malaysia	34
2.4	Pembelajaran Kolektif dan Pengaplikasian Dalam Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP)	40
2.5	Kajian-Kajian Lepas Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP)	42
2.6	Amalan Pengajaran Guru	64
2.7	Peranan Guru Pendidikan Islam dalam Pengajaran	65
2.7.1	Guru Sebagai Pembimbing	66
2.7.2	Guru Sebagai Perancang	67
2.7.3	Guru Sebagai Pendorong	68
2.7.4	Guru Sebagai Pengawal	68
2.7.5	Guru Sebagai Penilai	69
2.8	Kajian Lepas Berkaitan Dengan Amalan Pengajaran Guru	70
2.9	Kesimpulan	76

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	77
-----	------------	----

3.2	Reka Bentuk Kajian	78
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	81
3.4	Instrumen Kajian	84
3.5	Kajian Rintis	88
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	91
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	96
3.8	Prosedur Penganalisisan Data Kajian	97
3.8.1	Analisis Statistik Data Kajian	98
3.9	Rumusan	100

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	101
4.2	Maklumat Responden	102
4.2.1	Demografi Responden	102
4.3	Analisis Diskriptif	103
4.3.1	Tahap Amalan KPP dari Dimensi Pembelajaran Kolektif dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah di Bahagian Mukah, Sarawak	104
4.3.2	Tahap Amalan KPP dari Dimensi Pembelajaran Pengaplikasian dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah di Bahagian Mukah, Sarawak	106
4.3.3	Tahap Amalan Pengajaran dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah di Bahagian Mukah, Sarawak	108
4.3.4	Hubungan Antara Tahap Amalan KPP dari Dimensi Pembelajaran Kolektif dengan Amalan Pengajaran dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah di Bahagian Mukah, Sarawak	110
4.3.5	Hubungan Antara Tahap Amalan KPP dari Dimensi Pembelajaran Pengaplikasian dengan Amalan Pengajaran Guru dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah di Bahagian Mukah, Sarawak	112

4.4	Rumusan	113
-----	---------	-----

BAB 5 PENUTUP

5.1	Pengenalan	114
-----	------------	-----

5.2	Ringkasan Kajian	115
-----	------------------	-----

5.3	Perbincangan	117
-----	--------------	-----

5.3.1	Tahap Amalan Pembelajaran Kolektif	118
-------	------------------------------------	-----

5.3.2	Tahap Amalan Pembelajaran Pengaplikasian	121
-------	--	-----

5.3.3	Tahap Amalan Pengajaran	123
-------	-------------------------	-----

5.3.4	Hubungan Antara Tahap Amalan KPP dari Dimensi Pembelajaran Kolektif dengan Amalan Pengajaran dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI) Sekolah Rendah di Bahagian Mukah, Sarawak	126
-------	---	-----

5.3.5	Hubungan Antara Tahap Amalan KPP dari Dimensi Pembelajaran Pengaplikasian dengan Amalan Pengajaran dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah di Bahagian Mukah, Sarawak	128
-------	---	-----

5.4	Implikasi dan Cadangan	129
-----	------------------------	-----

5.4.1	Implikasi kajian terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	130
-------	---	-----

5.4.2	Implikasi kajian terhadap pihak sekolah	130
-------	---	-----

5.4.3	Implikasi Kajian Terhadap Guru	131
-------	--------------------------------	-----

5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	132
-----	--------------------------	-----

RUJUKAN		134
----------------	--	-----

LAMPIRAN		141
-----------------	--	-----

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Penerangan setiap elemen yang terdapat di dalam sistem aktiviti	16
3.1	Bahagian-bahagian Soal Selidik dan Jumlah Item	86
3.2	Pemarkahan Item Skala Likert	87
3.3	Senarai Panel Rujukan Instrumen Kajian	87
3.4	Tafsiran Nilai Alpha Cronbach	95
3.5	Nilai Alpha Cronbach Kajian Rintis	95
3.6	Analisis Data Yang Digunakan Dalam Kajian	98
3.7	Interpretasi Skor Min	99
3.8	Interpretasi Nilai Pekali Korelasi	99
4.1	Profil Demografi Responden Kajian	102
4.2	Interpretasi Skor Min	104
4.3	Tahap Amalan KPP bagi dimensi Pembelajaran Kolektif uru Pendidikan Islam Sekolah Rendah di Bahagian Mukah, Sarawak	105
4.4	Tahap Amalan KPP bagi dimensi Pembelajaran Pengaplikasian Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah di Bahagian Mukah, Sarawak	107
4.5	Tahap Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah di Bahagian Mukah, Sarawak	109
4.6	Analisis Korelasi Pearson Terhadap Hubungan Antara Tahap Amalan KPP dari Dimensi Pembelajaran Kolektif dengan Amalan Pengajaran dalam Kalangan GPI Sekolah Rendah di Bahagian Mukah, Sarawak	111

4.7	Analisis Korelasi Pearson Terhadap Hubungan Antara Tahap Amalan KPP dari Dimensi Pembelajaran Pengaplikasian dengan Amalan Pengajaran dalam Kalangan GPI Sekolah Rendah di Bahagian Mukah, Sarawak	112
-----	--	-----



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Struktur Sistem Aktiviti yang telah diubahsuai dari CHAT	16
1.2	Model Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP)	
1.3	Model Pengajaran Ibnu Khaldun (2009)	20
1.4	Kerangka Konseptual Kajian	22
2.1	Model Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP).	31



SENARAI SINGKATAN

BBM	Bahan Bantu Mengajar
EPRD	Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Kementerian Pendidikan Malaysia
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
GCBM	Guru Cemerlang Bahasa Melayu
GPI	Guru Pendidikan Islam
ICT	Information and Communication Technology
IPG	Institut Pendidikan Guru
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPP	Komuniti Pembelajaran Profesional
LADAP	Latihan Dalam Perkhidmatan
PAK 21	Pengajaran Abad 21
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kelulusan Bersyarat Untuk Menjalankan Kajian Daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia
- B Surat Kelulusan Bersyarat Untuk Menjalankan Kajian Daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
- C Surat Kebenaran Menggunakan Soal Selidik PLCA-R Daripada PLC Associates
- D Instrumen Soal Selidik Kajian Amalan Pengajaran Berasaskan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Di Malaysia, sistem pendidikannya sentiasa menjadi keutamaan dalam agenda negara.

Hal ini dikatakan demikian kerana Malaysia kini menghadapi cabaran yang kritikal dalam langkah memperbaiki sistem pendidikan untuk memastikan generasi masa depan dapat menguasai ilmu pengetahuan, nilai-nilai murni, serta kemahiran yang penting untuk kemajuan dan pembangunan ekonomi pada era ke-21 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012; Aziah, Loh Hooi Yen & Abdul Ghani, 2015). Faktor kebimbangan dan cabaran getir ini telah mendorong ke arah pelaksanaan inisiatif transformasi pendidikan oleh pihak kerajaan, khususnya dalam konteks pengajaran dan pembelajaran (PdP) abad ke-21.

Transformasi pendidikan abad ke-21 menitikberatkan keunggulan guru agar terus relevan dan konsisten dalam penyediaan sistem pendidikan yang bermutu. Ini sejajar dengan penemuan semula kajian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang tercatat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025.



Dapatan tersebut menekankan perlunya memperkasakan mutu guru sebagai sokongan utama kepada setiap sistem pendidikan (KPM, 2012). Jelaslah di sini bahawa kualiti guru sangat mempengaruhi keberkesanan sistem pendidikan.

Siti Salwa dan Azlina (2014) menegaskan bahawa guru sebagai tunjang kepada bidang pendidikan merupakan golongan yang berfungsi dalam merealisasikan sasaran yang telah ditentukan oleh pihak kerajaan melalui KPM. Matlamat dalam mencapai keberhasilan pendidikan tidak akan dapat diperoleh tanpa kehadiran guru berkualiti, iaitu guru yang sentiasa berusaha memperbaiki diri, memperkemas ilmu pengetahuan bagi melunaskan tanggungjawab sebagai penyampai ilmu, bertindak sebagai duta pengetahuan dalam bidang pendidikan dan dinamik untuk melakukan anjakan paradigma dari pelbagai aspek termasuklah daya usaha, pendekatan pengajaran (Kamarul Azmi & Noor Fadhlin, 2012) dan sebagainya untuk mengharungi gelombang perubahan dalam aliran sistem pendidikan negara yang akan sentiasa berkembang mengikut peredaran situasi pendidikan global (Siti Salwa & Azlina, 2014; Aziah et al., 2015).

Dalam usaha memastikan kelestarian kualiti guru, pihak KPM telah mengambil inisiatif melaksanakan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) sebagai satu latihan berterusan untuk peningkatan profesionalisme guru. Inisiatif KPP ini memberi ruang dan peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada guru dalam usaha menambah baik mutu pendidikan guru sebagai aset yang boleh diperbaik kemampuannya dengan pembelajaran yang berterusan (Aziah et al., 2015; Zuraidah, 2016), iaitu menerusi strategi KPP yang dibangunkan seperti penyediaan peluang aktiviti perkongsian ilmu antara guru. PPPM 2013-2025 meletakkan KPP sebagai asas pelaksanaan pendidikan





PdP abad ke-21 yang akan digarap melalui pemantapan penyampaian pendidikan oleh guru berkualiti yang komited, efektif, bekerja secara kolaboratif (Noor Hashimah, Mohd Faiz & Muhammad Faizal, 2022) dan mengamalkan pembelajaran berterusan untuk meningkatkan prestasi dan pencapaian murid.

Beban tugas guru pada hari ini tidak lagi berbicara tentang tugas sebenarnya, yakni bukan sahaja menumpukan PdP tetapi juga melibatkan pelaksanaan tugas-tugas sampingan yang benar-benar menuntut nilai kesabaran dan akauntabiliti yang sangat tinggi. Apatah lagi bagi guru Pendidikan Islam (GPI) (Noornajihan & Ab. Halim Tamuri, 2013) yang bukan sekadar berfungsi memindahkan maklumat berkaitan dengan kurikulum Pendidikan Islam kepada murid dan mengajar kandungan mata pelajaran semata-mata, malah memikul amanah yang lebih besar dengan membawa gelaran ustaz dan juga ustazah yang secara tidak langsung bertanggungjawab sebagai pendakwah bagi melahirkan khalifatullah yang memiliki perkembangan seimbang (Syafiqah Solehah & Tengku Sarina Aini, 2017). Dalam pada itu, peranan GPI semakin mencabar sebagai pendakwah dalam konteks negara yang mengalami pengaruh negatif globalisasi, terutamanya dalam peningkatan kes-kes keruntuhan akhlak dan masalah sosial.

Bagi membentuk generasi muslim yang holistik dan seimbang, GPI bukan sekadar menyampaikan isi kurikulum sahaja, bahkan perlu memiliki satu pakej kualiti guru agar usaha membimbing murid ke arah pembentukan nilai dan amalan yang terbaik dapat diimplementasikan. Oleh itu, untuk membentuk kualiti GPI ini, perlu ada semangat usahasama antara satu sama lain melalui amalan kolaboratif (Nor Lela, Hariyati, Hazianti, Zuraidah & Normala, 2014; Mohd Faiz, Muhamad Rozaimi &



Jamal, 2016; Zuraidah, 2016) yang akhirnya akan meningkatkan mutu PdP selaras dengan objektif KPP (KPM, 2015) Justeru, kajian ini dilaksanakan dengan tujuan mengkaji hubungan antara tahap pelaksanaan KPP dengan praktik pengajaran oleh GPI.

1.2 Latar Belakang

KPP membina satu kebudayaan yang memperlihatkan usaha semua warga sekolah dalam proses pembelajaran. Hal ini bermaksud, setiap individu bagi sesebuah komuniti sekolah turut serta dan berusaha untuk memastikan kesejahteraan seluruh warganya (Jones, Stall & Yarbrough, 2013; Watson, 2014). Istilah KPP ini telah menjadi satu perkara biasa yang sentiasa diperkatakan dalam bidang pendidikan, dengan lebih ketara di negara-negara maju di sebelah Barat. Tambahan pula, Amerika Syarikat menjadi peneraju dalam pelaksanaan amalan KPP ini dengan bertambahnya kuantiti penyelidikan mengenainya. Peningkatan terhadap minat penyelidikan dan penambahan literatur tentang KPP di Amerika Syarikat telah berlaku sejak tahun 1990-an lagi (Pang & Wang, 2016).

Walau bagaimanapun, amalan KPP tidak ketinggalan mengalami perkembangan yang positif di negara sebelah Timur, terutamanya melibatkan negara-negara Asia Timur seperti di Jepun (Groves, Doig, Widjaja, Garner & Palmer, 2013), China, Hong Kong, Taiwan, Korea Selatan dan Singapura (Pang & Wang, 2016). Berlandaskan pola dan kemajuan dalam pendidikan negara-negara maju yang menunjukkan keberkesanan KPP di luar negara dan peningkatan popularitinya di kebanyakan negara (Aziah et al., 2015), maka KPP telah dipilih sebagai inisiatif baru untuk memperkasakan kualiti guru di Malaysia. Sebagai hasilnya, pada tahun 2011,

Bahagian Pendidikan Guru (BPG) telah memulakan pelaksanaan KPP di 289 buah sekolah dengan melibatkan 289 panitia mata pelajaran. Usaha ini kemudian dilanjutkan pada tahun 2012 dengan melibatkan 107 buah sekolah dengan bilangan panitia mata pelajaran yang sama (BPG t.th). Pelaksanaan KPP kemudiannya terus diperkasakan melalui PPPM 2013-2025 untuk memperkasakan kualiti guru bawah kelolaan pembimbing guru yang dikenali sebagai Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah atau SISC+, yakni School Improvement Specialist Coaches (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Justeru, dalam tempoh 11 tahun ini, KPP sering diperkatakan dalam institusi sekolah di Malaysia kerana pelaksanaannya masih melalui proses pembelajaran dan penambahbaikan, malah masih lagi berada dalam fasa-fasa di peringkat awal dan pertengahan. Zuraidah, Rahimah, Muhammad Faizal dan Hailan (2012) telah menegaskan bahawa dalam organisasi sekolah, pengetua atau guru besar, barisan kepimpinan kedua (MLT) dan guru-guru merupakan anggota KPP, yakni kakitangan profesional yang menumpukan perhatian kepada tugas mengajar. Mereka merupakan individu yang komited untuk terus belajar, mencari dan berkongsi ilmu untuk meningkatkan pencapaian pelajar serta prestasi sekolah (Harris & Jones, 2010, 2015; Lynn 2012; Zuraidah 2016). Pembentukan budaya ilmu melalui amalan perkongsian kolaboratif inilah yang memperlihatkan KPP dalam kalangan warga sekolah secara umumnya adalah sebagai satu amalan pembelajaran sepanjang hayat.

Tambahan lagi, KPP diguna pakai sebagai landasan atau panduan tindakan guru di sekolah dalam sistem pendidikan Barat masa kini. Ini disebabkan oleh KPP mendorong perubahan dari cara bekerja guru secara individu kepada cara bekerja secara

kolaboratif atau dalam erti kata lain, KPP berupaya mengurangkan pengasingan guru (*teacher isolation*) (Eaker, DuFour & DuFour 2005; Nolan 2009; Beddoes, Prusak & Hall 2014), meningkatkan iltizam guru terhadap matlamat sekolah, misi dan visi selain memperbaiki strategi PdP. KPP juga meningkatkan kepuasan kerja guru, menaikkan semangat dan mengurangkan kadar ketidakhadiran guru. Banyak sekolah yang telah mengalami kejayaan dengan pengamalan KPP (Nolan 2009; Muhammad Faizal, Abdul Khalil, Zaharah, Norfariza, Ainoor Mahfuzah & Faisol 2016; Seyyed Ali & Mohsen 2016).

Oleh itu, pengamalan KPP yang baharu diperkenalkan dalam institusi sekolah di Malaysia sepertimana yang diaspirasikan oleh KPM diharapkan dapat mewujudkan impak yang membangkitkan semangat dalam kalangan guru, menyumbang kepada peningkatan dalam budaya kerja. Hal ini juga adalah kerana amalan KPP telah terbukti memberikan dampak yang besar kepada sesuatu komuniti, yakni KPP dapat mengakibatkan pelbagai perubahan dari segi kepimpinan sekolah, pengurusan serta PdP (Aziah et al. 2015).

1.3 Pernyataan Masalah

KPM berterusan dalam usahanya memperkasakan mutu pendidikan di negara ini. Antara usaha yang diperlihatkan oleh KPM melalui PPPM 2013-2025 adalah dengan pengenalan KPP yang bertujuan menyediakan suasana kerja yang kolaboratif bagi guru-guru sekaligus meningkatkan pengetahuan dan profesionalisme guru (Kementerian Pendidikan Malaysia 2022). Walau bagaimanapun, guru-guru di Malaysia tidak mempunyai persepsi yang sama tentang konsep KPP. Ini dibuktikan



oleh Victor, Zuraidah & Husaina (2021) yang menyatakan Malaysia masih belum mempunyai satu ketetapan model KPP yang sesuai untuk dijadikan sebagai panduan guru-guru tempatan membudayakan KPP. Tambahan lagi, guru kurang memiliki maklumat, ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk melaksanakan KPP kerana kurangnya latihan dan kursus-kursus yang dihadiri berkaitan KPP mengakibatkan pelaksanaannya perlu ditambahbaik.

Merujuk kepada matlamat pelaksanaan KPP, Noor Hashimah et. al., (2022) menyatakan bahawa bukanlah tugas yang ringan bagi membentuk KPP sebagai budaya kolaboratif profesional yang berterusan. Berikutan disebabkan guru tidak memahami sepenuhnya pelaksanaan KPP, maka masih terdapat guru yang lebih memilih untuk bersendirian dalam usaha merancang dan menyediakan bahan PdP. Pernyataan ini disokong dengan dapatan kajian lepas iaitu guru sering cenderung untuk bekerja secara tradisional dengan suka berada dalam situasi kerja individu (Saadiah Shuib & Tajulashikin Jumahat, 2020). Keadaan ini menjelaskan bahawa sesi perkongsian pembelajaran secara kolektif dan pengaplikasian tidak berlaku.

Pelaksanaan KPP memerlukan guru untuk berkongsi idea dalam menambahbaik kualiti pengajaran dan pembelajaran dan menggerakkannya secara profesional (Saadiah Shuib, 2021). Namun begitu, rendahnya kompetensi GPI di dalam bilik darjah telah mengakibatkan kekurangan dalam penyampaian proses pengajaran bagi mata pelajaran tersebut (Ab. Halim Tamuri, Muhammad Faizal Ismail & Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Situasi itu berlaku apabila kurangnya perkongsian ilmu serta tiadanya aktiviti perbincangan berkaitan dengan penambahbaikan dalam kemahiran mengajar. Akhirnya, guru bertindak sendiri menyebabkan mereka tidak dapat meningkatkan





kemahiran diri. Dengan itu, perkara tersebut mempengaruhi pencapaian murid pula (Aziah Ismail, Loh Hooi Yen & Abdul Ghani Kanesan Abdullah 2015; Zuraidah 2016).

Beberapa kajian lepas mendapati bahawa tidak berlaku perkongsian bahan bantu mengajar (BBM) sesama guru. Selain itu, guru juga dikatakan berasa keberatan untuk berkongsi dan memeriksa mana-mana bahan pengajaran yang dihasilkan (Roberts & Pruitt 2009; Zuraidah 2010; Dima Mazlina & Abdul Rashid 2016) sekaligus dialog reflektif (pembelajaran secara kolektif) tidak berlaku dalam kalangan guru. Guru turut berasa tidak selesa untuk membincangkan pengajaran mereka dengan rakan sekerja bagi mengetahui sebarang maklum balas (Roberts & Pruitt 2009). Dalam hal ini, Muhammad Faizal Abdul Ghani et al. (2013) berpendapat bahawa dalam kalangan guru, sesi pertukaran idea profesional tidak berlangsung secara aktif dan bersepadu, sebaliknya dilakukan mengikut individu sahaja. Perkara ini membawa kepada kurangnya perkongsian pembelajaran yang efektif sesama guru. Permasalahan ini secara keseluruhannya telah menunjukkan bahawa amalan perkongsian matlamat, nilai, misi dan visi, pengaplikasian, amalan pembelajaran kolektif serta amalan perkongsian amalan peribadi tidak diamalkan sepenuhnya oleh guru (Verbiest, Ansems, Bakx, Grootswagers, Heijmen, Jongen, Uphoff & Teurlings 2005).

Penggunaan KPP sebagai alat untuk mengasah kompetensi guru di negara Barat telah terbukti berkesan dalam praktiknya (Dima Mazlina & Abdul Rashid 2016). Umumnya, semua guru di Malaysia pernah mendengar istilah KPP. Tetapi, pelaksanaan KPP ini kebanyakannya ditekankan bagi guru yang mengajarkan mata pelajaran teras (Aziah Ismail, Loh Hooi Yen & Abdul Ghani Kanesan Abdullah Ismail, 2015; Dima Mazlina & Abdul Rashid 2016, Yee Bee Choo, 2019) demi memastikan pencapaian





bagi subjek tersebut di tahap yang membanggakan dalam keputusan peperiksaan awam. Tetapi, kajian secara khusus berkaitan dengan amalan KPP dalam kalangan guru Pendidikan Islam masih kurang.

Menurut Rothman et al. (2018), keutamaan terhadap peperiksaan dalam sistem pendidikan menghalang usaha untuk mencapai keselarasan dalam perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelek murid sebagaimana yang ditegaskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Ini selaras dengan penemuan Fadhillah Anak Layang & Zamri Mahamood (2019), yang menyoroti bahawa penekanan terhadap ujian dalam pendidikan di Malaysia ialah isu yang kritikal kerana mempengaruhi cara pengajaran oleh guru. Justeru, dengan adanya KPP ini, banyak memberikan impak yang positif untuk guru bekerjasama dalam menyusun strategi pengajaran yang lebih efektif sepertimana yang telah dinyatakan keberkesannya dalam kajian lepas (Groves, Doig, Widjaja, Garner & Palmer 2013; Aziah Ismail, Loh Hooi Yen & Abdul Ghani Kanesan Abdullah 2015; Pang & Wang 2016). Akan tetapi, sekiranya guru masih lagi tidak faham berkaitan dengan KPP (Turner, 2015) bagaimana guru dapat bekerjasama untuk mengubah corak atau gaya pengajaran yang lebih ke arah kemenjadian murid secara holistik dan bukan berorientasikan peperiksaan semata-mata.

Kajian yang telah dijalankan oleh Ahmad & Ab. Halim Tamuri (2010) menyatakan, GPI menjelaskan bahawa selain sumber kewangan, faktor yang menyebabkan mereka enggan mengguna pakai BBM ialah kekurangan masa dan sukatan pelajaran yang terlalu padat. Pada hemat penyelidik, sekiranya guru Pendidikan Islam faham bagaimana KPP berfungsi, semua perkara telah dikemukakan tidak lagi menjadi alasan untuk guru Pendidikan Islam menyediakan dan menggunakan BBM





dalam pengajaran Pendidikan Islam. Tambahan lagi, Aflaha & Aderi (2016) menyatakan, agar memudahkan aktiviti pembelajaran murid, keberkesanan pengajaran bergantung pada kecekapan guru untuk menggunakan pakai kemahiran mengajar yang berkesan. Selari dengan objektif KPP itu sendiri untuk meningkatkan kualiti dan amalan PdP guru (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Dapatan analisis oleh pensyarah daripada Jabatan Ilmu Pendidikan, IPG Kampus Ipoh, Perak mendapati bahawa kebanyakan guru sukar untuk membina Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dengan baik (Lee, Yuan & Leng, 2016) akibat daripada kurangnya kefahaman konsep *Lesson Study* yang merupakan salah satu strategi dalam (Kementerian Pendidikan Malaysia 2015). Dapatan kajian tersebut diperkukuh menerusi satu lagi penemuan oleh Mohd Izani Hashim dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad (2020) yang menjelaskan bahawa penyediaan RPH oleh guru tidak sepadan dengan tahap kebolehan murid. Perkara ini justeru menyebabkan pelbagai isu semasa menjalankan sesi PdP di dalam bilik darjah (Dima Mazlina & Abdul Rashid, 2016). Perkara yang sama juga boleh terjadi sekiranya guru Pendidikan Islam tidak memahami bagaimana pelaksanaan KPP itu sendiri.

Sebelum menjawab persoalan adakah guru di sekolah untuk memastikan pelajar diajar atau memastikan mereka belajar (DuFour, 2015), pendidikan dan latihan guru berkaitan dengan kefahaman tentang KPP perlu ditambah baik secara berterusan (Jamal @ Nordin Yunus et al., 2014) untuk memastikan kemahiran mengajar dan pengetahuan bersesuaian dengan perkembangan pendidikan terkini. Apabila tidak berlaku perkongsian dalam kalangan guru, Lee, Yuan & Leng (2016) mendapati bahawa guru tidak dapat memberi fokus secara kolektif yang ingin dicapai dalam satu





masa PdP. Manakala, Watanabe (2002), Brodie (2014) dan Archer (2014) mendapati bahawa apabila kumpulan guru melakukan refleksi kritikal terhadap pengajaran mereka, maka pengubahsuaian yang sesuai untuk meningkatkan proses PdP dapat dibuat.

Amalan pengajaran guru sentiasa menjadi tulang belakang dalam mewujudkan suasana pembelajaran murid yang berkesan. Mokhtar & Sahat (2021) menegaskan bahawa untuk menjadikan pembelajaran murid lebih segar, berkesan dan dinamik, guru hendaklah mahir menerapkan unsur kreativiti dalam pengajaran. Namun, terdapat dapatan kajian yang menunjukkan guru tidak faham konsep dan bagaimana unsur kreativiti ini dapat diterapkan dalam pengajaran (Muhamad Zaki et al., 2013). Berikutan dari permasalahan itu, mengakibatkan tahap penerimaan pembelajaran yang menggunakan pendekatan pengajaran berunsurkan kreativiti dalam kalangan pelajar masih sederhana (Raja Abdullah & Daud Ismail, 2018).

Bertitik tolak daripada permasalahan yang wujud dalam kajian-kajian lepas dan kurangnya data kajian empirikal yang komprehensif dan meluas tentang KPP dalam kalangan GPI di Malaysia, kita memerlukan satu kajian yang lebih mendalam. Justeru, penyelidik berminat untuk menjalankan kajian berkaitan KPP dalam kalangan GPI serta dijalankan pada skala yang kecil, iaitu melibatkan bahagian Mukah, Sarawak untuk memperoleh sedikit gambaran tentang amalan KPP dalam kalangan GPI di Malaysia. Tuntutan terhadap kajian ini justeru dilandaskan pada andaian bahawa GPI kurang memahami dan mengamalkan KPP.





1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini berobjektif untuk menentukan sejauh mana amalan KPP dilaksanakan, tahap amalan pengajaran dan hubungan antara kedua-duanya dalam kalangan GPI. Tahap amalan KPP ini dilihat dari dimensi pembelajaran kolektif dan pengaplikasian sahaja.

1.5 Objektif Kajian

Robinson & Lai (2006) menyatakan bahawa objektif kajian yang ditetapkan perlulah dapat diukur dengan alat kajian. Objektif dibina berasaskan isu atau masalah yang telah dikenalpasti melalui dapatan kajian sebelum ini atau selepas analisis tinjauan awal sama ada melalui kajian keperluan atau tinjauan literatur. Objektif bagi kajian ini adalah seperti yang digariskan:



1. Mengenal pasti tahap amalan KPP dari dimensi pembelajaran kolektif dalam kalangan guru Pendidikan Islam sekolah rendah di bahagian Mukah, Sarawak.
2. Mengenal pasti tahap amalan KPP dari dimensi pembelajaran pengaplikasian dalam kalangan guru Pendidikan Islam sekolah rendah di bahagian Mukah, Sarawak.
3. Mengenal pasti tahap amalan pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Islam sekolah rendah di bahagian Mukah, Sarawak.
4. Mengenal pasti hubungan antara tahap amalan KPP dari dimensi pembelajaran kolektif dengan amalan pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Islam sekolah rendah di bahagian Mukah, Sarawak.



5. Mengenal pasti hubungan antara tahap amalan KPP dari dimensi pembelajaran pengaplikasian dengan amalan pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Islam sekolah rendah di bahagian Mukah, Sarawak.

1.6 Soalan Kajian

Soalan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah tahap amalan KPP dari dimensi pembelajaran kolektif dalam kalangan guru Pendidikan Islam sekolah rendah di bahagian Mukah, Sarawak?
2. Apakah tahap amalan KPP dari dimensi pembelajaran pengaplikasian dalam kalangan guru Pendidikan Islam sekolah rendah di bahagian Mukah, Sarawak?
3. Apakah tahap amalan pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Islam sekolah rendah di bahagian Mukah, Sarawak?
4. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap amalan KPP dari dimensi pembelajaran kolektif dengan amalan pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Islam sekolah rendah di bahagian Mukah, Sarawak?
5. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap amalan KPP dari dimensi pembelajaran pengaplikasian dengan amalan pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Islam sekolah rendah di bahagian Mukah, Sarawak?

1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis ialah jangkaan penyelidik tentang dapatan kajian (Mills & Airasian, 2009). Hipotesis merupakan pernyataan jangkaan penyelidik berkaitan dengan hubungan antara pembolehubah yang dikaji. Hipotesis yang dibina adalah berdasarkan teori atau pengetahuan lepas dan bertujuan untuk mengembangkan ilmu (Hamidah Yusof, Jamal Yunus & Khalip Musa, 2014). Hipotesis kajian ini dimulakan daripada soalan kajian 4 yang merujuk Ho1 dan soalan kajian 5 yang merujuk Ho2.

Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap amalan KPP dari dimensi pembelajaran kolektif dengan amalan pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Islam sekolah rendah di bahagian Mukah, Sarawak.

Ho2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap amalan KPP dari dimensi pembelajaran pengaplikasian dengan amalan pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Islam sekolah rendah di bahagian Mukah, Sarawak.


1.8 Kerangka Teori Kajian

Kajian ini diterapkan dengan *Cultural Historical Activity Theory* (CHAT) atau Teori Aktiviti Budaya dan Sejarah sebagai landasan utama. Teori yang dipelopori oleh Leontiev (1981), yang berakar daripada konsep yang diperkenalkan oleh Vygotsky (1978), menekankan peranan persekitaran sosial dalam perkembangan dan pembelajaran manusia. Trust (2017) menekankan bahawa teori ini memperlihatkan interaksi kompleks antara manusia, elemen bahan dan objektif yang dipengaruhi serta

dibentuk oleh struktur sosial, budaya dan sejarah dalam masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kebolehan individu.

Zone of Proximal Development (ZPD) telah menyatakan bahawa individu yang lebih berkepakaran dan berpengetahuan dalam sesuatu perkara mampu untuk menyokong individu yang lain dengan memberikan tunjuk ajar dan membimbing mereka. Dalam erti kata lain, individu perlu mendapat sokongan dari individu yang lebih berpengalaman dalam pembelajaran (Vygotsky, 1978). Teori CHAT ini mengetengahkan satu sistem aktiviti berdasarkan kepada ZPD. Sistem aktiviti merujuk kepada tindakan kolektif (Reshef, 2004; Congleton, 2015) yang dibentuk untuk mencapai matlamat tertentu, berdasarkan elemen-elemen sejarah dan sosiobudaya yang mendasarinya (Kamarudin Ismail, Rosnah Ishak, Fanny Kho Chee Yuet & Siti Hajar Kamaruddin, 2019).

Kamarudin Ismail et al. (2019) mendapati bahawa KPP merupakan satu bentuk sistem aktiviti yang melibatkan empat elemen utama dan saling menyokong, iaitu 1) Objek dan hasilan; 2) Subjek; 3) Artifak perantara dan 4) Komuniti, pemeringkatan peranan dan peraturan. Kesimpulannya, penyelidik menginterpretasikan CHAT (Leaontiev, 1981) dan pendapat Kamarudin Ismail (2019) menerusi rajah berikut:



Rajah 1.1. Struktur Sistem Aktiviti yang telah diubahsuai dari CHAT (Leontiev, 1981)

Kamarudin Ismail et al (2019) telah mendefinisikan setiap elemen tersebut seperti berikut:

Jadual 1.1

Penerangan setiap elemen yang terdapat di dalam sistem aktiviti

Elemen	Penerangan
Subjek	Penglibatan individu (guru) dalam aktiviti. Melalui interaksi dengan unsur lain dalam sistem aktiviti, individu mampu membina identiti dan pengetahuan berdasarkan kepada matlamat yang hendak dicapai.
Komuniti	Sebuah kumpulan guru yang berkongsi minat yang serupa dan saling bergantung dalam sistem aktiviti.
Peranan dan peraturan	Setiap individu (guru) memiliki tahap kemahiran, kepakaran, pengetahuan termasuk minat yang berbeza-beza. Peranan setiap satunya bergantung kepada tahap masing-masing dan saling membantu dalam sistem aktiviti. Pun begitu, setiap individu (guru) terikat dengan perkara-perkara yang telah dipersetujui bersama sebagai dasar bagi setiap interaksi, tindakan atau tingkah laku atau dalam sistem aktiviti.

(bersambung)

Jadual 1.1 (*sambungan*)

Elemen	Penerangan
Artifak perantara	Individu (guru) atau kumpulan individu (guru) menggunakan pelbagai unsur bahan dan unsur konseptual bagi mencapai matlamat.
Objek	Matlamat yang ingin dicapai. Sebagai contoh, matlamat utama individu (guru) menyertai komuniti KPP untuk memantapkan pengetahuan dan kemahiran pedagogi.

Diadaptasi dari Kamarudin Ismail et al. 2019

1.9 Kerangka Model Kajian


Dalam kajian ini, pengkaji mengetengahkan dua model sebagai sandaran kepada kajian ini iaitu Model Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) dan Model Pengejaran Ibnu Khaldun. Subtopik seterusnya akan membincangkan kedua-dua model tersebut dengan lebih terperinci.

1.9.1 Model Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP)

Model KPP ialah satu model yang telah dikenali dan sudah lama diguna pakai di seluruh dunia bagi kajian-kajian berkaitan dengan KPP yang telah dilaksanakan di luar negara. Terdapat pelbagai takrifan yang telah dinyatakan oleh pakar dalam bidang kepimpinan yang telah membawa kepada kepelbagaian KPP. Antara tiga model utama yang sering diperbincangkan oleh para pengkaji iaitu:

- i. Model Senge (1990).
- ii. Model Hord (1997).
- iii. Model DuFour (2004).

Berdasarkan kepada tiga model komuniti pembelajaran profesional (KPP) yang dikemukakan oleh Senge, DuFour dan Hord maka Oliver, Hipp dan Huffman telah membuat sedikit penambahbaikan terhadap model komuniti pembelajaran profesional (KPP) pada tahun 2010. Oliver, Hipp dan Huffman (2010) telah mengemukakan lima prinsip utama KPP, yakni i) perkongsian nilai, matlamat, misi dan visi, ii) perkongsian amalan peribadi, iii) pembelajaran kolektif dan pengaplikasian, iv) kepimpinan berkongsi dan menyokong serta v) membentuk hubungan dan struktur. Penambahbaikan yang dibuat oleh Oliver, Hipp dan Huffman terhadap model komuniti pembelajaran profesional (KPP) boleh dilihat berdasarkan Rajah 1.3.



Rajah 1.2. Model Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) (Oliver, Hipp & Huffman, 2010)

Berdasarkan model KPP yang termaktub dalam Modul Asas KPP (KPM, 2014), prinsip asas KPP berpusat pada tiga idea teras, yakni (i) memastikan pembelajaran murid, (ii) memupuk budaya kolaboratif dan (iii) memberi tumpuan terhadap



pencapaian. Model KPP ini juga menggambarkan evolusi perubahan yang dilaksanakan oleh sekolah melalui beberapa peringkat. Kesemua peringkat ini mencerminkan tahap kemajuan yang dilalui oleh sekolah, bermula dari fasa permulaan, fasa pelaksanaan, hingga fasa pengamalan, iaitu proses pembangunan dan peningkatan prestasi sekolah menuju kecemerlangan. Dengan menilai perubahan dalam kelompok guru, ini dapat menggambarkan proses pembangunan setiap dimensi yang membantu pembentukan budaya KPP guru.

Proses perkembangan ini merintis lima dimensi yang telah ditambahbaik oleh Oliver, Hipp & Huffman (2010) iaitu dimensi i) Perkongsian Nilai, Matlamat, Visi & Misi, ii) Kepimpinan Berkongsi & Menyokong, iii) Pembelajaran Secara Kolektif & Pengaplikasian, iv) Perkongsian Amalan Peribadi serta v) Membentuk Hubungan & Struktur. Amalan-amalan dalam lima dimensi ini menyokong kelestarian budaya pembelajaran guru, yang pada akhirnya menggerakkan semua ahli komuniti sekolah untuk menjalankan program peningkatan demi meningkatkan pembelajaran murid.

Walau bagaimanapun, dimensi yang memfokuskan kepada guru menurut Verbiest (2011) ialah dimensi perkongsian pembelajaran kolektif dan pengaplikasian yang merujuk kepada guru yang bersama-sama berkongsi kepakaran, pengetahuan dan bekerjasama untuk meningkatkan aktiviti pengajaran dan pengaplikasian amalan-amalan pengajaran yang telah ditambahbaik.



1.9.1 Model Pengajaran Ibnu Khaldun

Amalan pengajaran merupakan aspek utama dalam menentukan kualiti guru. Melihat semula peranan utama seorang guru dalam membentuk pelajar yang memiliki pengetahuan yang kukuh, maklumat yang luas, dan kemahiran yang cemerlang, serta keupayaan untuk berhubung dengan Allah SWT. dan sesama insan (Sidek, 2006), amalan pengajaran guru sentiasa menjadi keutamaan. Dalam kajian ini, amalan pengajaran GPI didasari oleh satu model pengajaran yang telah dipelopori tokoh Ibnu Khaldun yang menjadi asas terkenal dalam bidang pendidikan, terutamanya dalam Pendidikan Islam (732H/1332M – 808H/1406M).

Berikut merupakan ringkasan model pengajaran Ibnu Khaldun (2009) yang telah diketengahkan di dalam buku karangannya al-Muqaddimah:



Rajah 1.3. Model Pengajaran Ibnu Khaldun (2009)

Menurut Ibnu Khaldun (2009), dalam analisisnya tentang pendekatan pengajaran, adalah penting untuk mengamalkan pelaksanaan yang berperingkat-



peringkat. Beliau memberikan penekanan bahawa proses penyampaian isi pelajaran kepada murid berkesan apabila dilakukan secara sedikit demi sedikit dan beransur-ansur. Pada mulanya, guru akan menunjukkan kepada murid berkaitan pelbagai masalah utama dalam setiap topik pelajaran yang sering dikenal pasti. Menurutnya, guru akan merangka cara untuk merungkai secara ringkas. Semasa proses tersebut, guru akan menilai tahap persiapan dan kemampuan intelektual murid dalam memahami isi pelajaran yang akan diajarkan sehingga murid menjadi jelas tentangnya. Selanjutnya, guru berperanan sebagai pemudahcara membantu murid mengulang kaji isi pelajaran tersebut untuk kali kedua dan seterusnya.

Namun pada tahap yang seterusnya, berlaku pemeringkatan isi dan aras kesukaran. Pada tahap ini, segala masalah yang dihadapi oleh murid akan diselesaikan melalui perbincangan yang lebih terperinci dan dijelaskan secara terbuka. Ibnu Khaldun menyarankan guru untuk melakukan pengulangan sebanyak tiga kali sebagai kaedah pengajaran yang signifikan untuk memastikan pemahaman murid terhadap isi pelajaran yang lebih mendalam.


Ibnu Khaldun turut menegaskan pentingnya untuk memberikan perhatian kepada keupayaan intelek murid. Guru seharusnya tidak membebani murid dengan tugas yang melampaui keupayaannya untuk memahami sesuatu pelajaran. Guru juga perlu memastikan satu sesi penyampaian isi pelajaran tidak dilaksanakan dalam satu tempoh yang terlalu lama. Beliau turut mengingatkan berkaitan dengan waktu senggang mempengaruhi proses pembelajaran murid. Berikutan kebimbangan murid tidak dapat mengingat dan mengulang kembali isi pelajaran, beliau mencadangkan agar waktu rehat tidak memakan masa yang lama. Guru juga perlu mengelakkan daripada



memberikan tekanan kepada murid dengan mengajarkan topik yang berbeza secara serentak, kerana tindakan tersebut dapat menjadi beban kepada murid (Ibnu Khaldun: 2009).

Ringkasnya, Ibn Khaldun mengajarkan bahawa ilmu harus diajarkan secara berperingkat, dengan menyeluruh dan melalui proses pengulangan untuk memahami dengan mendalam setiap aspek pelajaran dalam tajuk tertentu sebelum melangkah kepada topik pelajaran yang lain.

1.10 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.4. Kerangka Konseptual Kajian

Tujuan utama pembinaan kerangka konseptual kajian ini untuk meneliti keseluruhan aspek yang dipertimbangkan dalam kajian. Model KPP menjadi landasan bagi kerangka konseptual kajian ini (BPG KPM t.th; Verbiest 2011). Model KPP yang telah ditambahbaik oleh Oliver, Hipp & Huffman (2010) menjadi penunjuk arah yang

lebih tegas bagi guru dalam mendorong perkembangan budaya pembelajaran sepanjang hayat di sekolah dan juga institusi pendidikan (Bahagian Pendidikan Guru t.th) bagi meningkatkan kualiti PdP.

Para sarjana Islam memberikan perhatian yang sepenuhnya terhadap PdP. Perkara tersebut dipraktikkan secara amali ataupun dipersembahkan dalam nukilan dan penulisan mereka. Pendapat Ahmad Shalabi (t.t), kriteria guru yang baik bukan sahaja mempunyai ilmu semata-mata tetapi mempunyai kemahiran dalam kaedah dan teknik pengajaran (Ibn ‘Abdun, 307H/919M); Ibn Khaldun, 808H/1405H). Dalam kajian ini, penyelidik mengguna pakai model KPP yang merujuk dimensi pembelajaran kolektif dan pengaplikasian dan perkongsian amalan peribadi serta model pengajaran Ibnu Khaldun untuk melihat hubungan antara kedua-duanya.

1.11 Batasan Kajian

Kajian berkaitan permasalahan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) yang melibatkan guru Pendidikan Islam (GPI) masih kurang dijalankan. Hasil tinjauan literatur, penyelidik mendapati kebanyakan kajian hanya memfokuskan guru besar atau pengetua sahaja sepertimana kajian oleh Zahizan (2011) mengenai kepimpinan menyokong dan berkongsi pengetua dalam mewujudkan KPP, kajian Sujrah (2011) mengenai sokongan pengetua dalam amalan KPP dan kajian Hariani (2011) mengenai sokongan guru besar dalam amalan KPP. Justeru, dalam kajian ini, penyelidik hanya memfokuskan kajian kepada GPI semata-mata.

Tambahan pula, penyelidik turut menghadkan kajian ini hanya kepada GPI di sekolah rendah bahagian Mukah, Sarawak sahaja. Kebanyakan kajian tentang KPP di negara ini hanya tertumpu pada sekolah menengah. Contohnya, kajian oleh Zuraidah (2009) yang membandingkan amalan KPP di sekolah menengah kebangsaan biasa dengan sekolah menengah kebangsaan anugerah cemerlang; kajian oleh Zuraidah (2010) yang mengkaji amalan KPP di lima jenis sekolah menengah; kajian oleh Zuraidah (2014) yang melibatkan satu sekolah menengah di Johor; dan kajian Aziah et al. (2015) tentang amalan KPP di sekolah menengah di Pulau Pinang. Beberapa kajian juga telah dijalankan pada peringkat sekolah rendah, seperti kajian oleh Chong Chee Keong et al. (2018) tentang amalan KPP di sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di Sarawak. Oleh itu, penyelidik memilih untuk mengkaji KPP di sekolah rendah, khususnya di Sekolah Kebangsaan (SK) memandangkan kajian berkaitan KPP ini didapati masih kurang dijalankan di sekolah rendah (Hariani 2011).

Penyelidik juga memilih sekolah rendah di Mukah untuk menjalankan kajian ini, kerana tidak terdapat kajian sebelum ini yang memfokuskan KPP di kawasan tersebut, seperti yang telah dibuktikan oleh kajian-kajian terdahulu (Hazalizah & Nor Hasliza 2014; Aziah et al. 2015).

Sebagai batasan kajian, penyelidik telah mengecilkan skop dan ruang kajian ini. Ini bermakna setiap pemboleh ubah hanya akan ditakrifkan mengikut definisi operasional yang telah ditetapkan. Data yang dikumpulkan untuk kajian ini juga dihadkan oleh item-item yang terdapat dalam borang soal selidik tersebut sahaja. Respons terhadap instrumen kajian juga hanya akan diperolehi daripada GPI yang sedang bertugas di sekolah yang menjadi fokus kajian.



1.12 Kepentingan Kajian

Setiap penyelidikan yang dilakukan tentu mempunyai nilai penting tersendiri, baik kepada penyelidik mahupun kepada pihak-pihak yang terlibat. Dalam konteks ini, pelaksanaan KPP di luar negara telah terbukti berkesan dan berhasil memperkasakan keberkesanan guru serta memberi kesan positif terhadap pencapaian murid (Farbman, Goldberg & Miller 2014; Muhammad Faizal & Crow 2013; Schneider 2015). Bagi melihat kepentingan kajian ini dalam konteks di Malaysia, penyelidik membahagikan kepentingan kajian kepada tiga pihak yang secara langsung terlibat dalam bidang pendidikan, iaitu guru, KPM dan pihak sekolah.

1.12.1 Kepentingan terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)



Kajian ini adalah mustahak kerana mampu memberikan maklumat yang bermanfaat kepada pihak pengurusan pendidikan, lebih-lebih lagi KPM sebagai pihak yang menggubal dasar-dasar bagi menentukan arah tuju dan perubahan dalam sistem pendidikan negara. Dalam konteks kajian tahap pengetahuan berkaitan KPP, penyelidik dapat memberikan maklumat kepada KPM tentang tahap amalan KPP ini dalam kalangan GPI.

Tambahan lagi, dapatan yang dikumpulkan daripada pelaksanaan kajian ini dapat diteliti dan dijadikan sebagai asas oleh pihak KPM dengan mengambil kira aspek-aspek yang dikaji untuk mempertimbangkan penerusan pelaksanaan KPP yang telah berjalan, menambah baik serta memperkemas kandungan pelaksanaan KPP berdasarkan model yang sedia ada dan telah digunapakai. Beberapa langkah lanjutan untuk menangani kelemahan yang ada dalam model yang dijadikan panduan dapat





difikirkan dari awal oleh pihak pengurusan SISC+ selaku pihak yang dipertanggungjawabkan oleh KPM untuk memantau pelaksanaan KPP ini pada peringkat sekolah.

Tambahan lagi, berdasarkan data yang diperoleh menerusi dapatan kajian ini, pihak KPM dapat membuat persediaan yang sewajarnya dalam melakukan sesuatu perubahan dan pembaharuan yang dirasakan sesuai dalam melicinkan pelaksanaan KPP. Untuk memperkasakan mutu pengajaran guru tersebut, hasil kajian ini juga turut dapat digunakan oleh KPM dalam memberikan maklumat terhadap usaha yang boleh dirancang dan difikirkan untuk dilaksanakan seperti merangka pelaksanaan program pembangunan guru, iaitu KPP dengan cara yang lebih tersusun, berstruktur, berterusan dan kemas pelaksanaannya ke arah memantapkan kualiti guru agar lebih kukuh, terutamanya dalam kalangan GPI. Peningkatan kualiti PdP guru melalui latihan-latihan yang disediakan oleh pihak KPM ini mampu memenuhi hasrat yang dicitakan sebagaimana yang telah termaktub dalam Falsafah Pendidikan Guru dan FPK (Muhammad Nurfaumi, Mohamed Yusof, Rohana & Amirmudin 2011).

1.12.2 Kepentingan terhadap pihak sekolah

Prestasi sekolah dan kemenjadian pelajar dipengaruhi oleh pelaksanaan KPP dan efikasi sendiri guru. Kajian ini meneliti dua aspek KPP, iaitu dimensi perkongsian amalan individu serta dimensi pembelajaran secara berkumpulan dan penerapan. Dengan adanya faktor demografi yang diambil kira seperti jantina dan pengalaman mengajar, maklumat yang diperoleh melalui hasil kajian ini mampu membantu



pentadbir sekolah bagi menyediakan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian bagi meningkatkan amalan KPP dalam kalangan guru serta meningkatkan prestasi sekolah.

1.12.3 Kepentingan terhadap guru

Guru merupakan subjek utama di dalam kajian ini. Menerusi sudut pengetahuan, kajian ini berupaya memberikan sumbangan kepada peningkatan pengetahuan tentang KPP khususnya kepada GPI. Dengan adanya kajian ini, guru dapat menyedari akan kelebihan dan kelemahan mereka secara terperinci berkenaan KPP yang dilaksanakan. Dalam situasi ini, adalah penting bagi guru untuk mengenal pasti secara teliti tahap amalan KPP yang memberikan impak positif terhadap amalan pengajaran seterusnya kepada murid. Oleh itu, guru wajar sentiasa menambahbaik pelaksanaan KPP ke arah kemenjadian murid.

1.13 Definisi Operasional

Berdasarkan tujuan utama kajian ini, konsep-konsep penting seperti KPP dan amalan pengajaran didefinisikan secara terperinci sesuai dengan keperluan kajian.

1.13.1 Komuniti Pembelajaran Profesional

Definisi KPP muncul daripada pelbagai perspektif sarjana. Pelbagai definisi diberikan dan sememangnya tidak ada definisi yang universal tentang konsep KPP. Menurut Newmann dan Wehlage (1995), komuniti profesional menunjukkan tiga jenis amalan yang biasanya terdiri daripada (i) perkongsian nilai dan matlamat pembelajaran yang



jelas untuk semua murid oleh guru-guru, (ii) keterlibatan kolaboratif guru-guru, dan (iii) pertanggungjawaban kolektif guru-guru terhadap pembelajaran murid. Tiga bentuk amalan ini juga selari dengan konteks kompetensi guru dalam pelaksanaan KPP di sekolah seperti yang dijelaskan oleh Verbiest (2011), iaitu meliputi dimensi amalan pembelajaran kolektif dan pengaplikasian. Dimensi tersebut antara fokus utama Bahagian Profesionalisme Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Modul Asas KPP yang dibangunkan sebagai panduan guru. Dalam kajian ini, penyelidik memanfaatkan dimensi pembelajaran kolektif dan pengaplikasian untuk menentukan tahap amalan KPP dalam kalangan GPI sekolah rendah di bahagian Mukah, Sarawak.

a Pembelajaran secara kolektif dan pengaplikasian

Menurut penjelasan Zuraidah (2016), pembelajaran dalam bentuk dimensi kolektif dan pelaksanaannya ialah kerjasama dalam komuniti sekolah yang berperanan untuk memperkasakan kesan penyampaian informasi dan pengambilan keputusan yang berpaksikan ilmu pengetahuan. Dalam kajian ini, penyelidik mengenalpasti tahap amalan guru Pendidikan Islam bagi dimensi pembelajaran kolektif dan aplikasi menerusi dua perspektif. Pertama, guru Pendidikan Islam menyelesaikan perkara berkaitan dengan pengajaran secara bersama dalam menyelesaikan masalah kekeliruan murid terhadap pelajaran dan kerjasama guru Pendidikan Islam dalam menganalisis keputusan pencapaian murid untuk menilai keberkesanan pengajaran mereka. Kedua, usaha guru Pendidikan Islam secara bersama untuk menjana sesuatu yang baharu berfokuskan aspek pedagogi, strategi penilaian dan idea untuk pengajaran berkesan. Inisiatif secara bersama ini secara tidak langsung adalah intervensi terhadap masalah dan keputusan pencapaian murid itu tadi.



b Amalan Pengajaran

Amalan pengajaran guru sangat berkait rapat dan boleh memberikan impak dan perubahan terhadap pembelajaran murid (Guskey, 2002). Nur Hanani (2022) menegaskan bahawa amalan pengajaran yang baik merujuk kepada sejauhmana guru mengaplikasi pengetahuan tertentu untuk mengajar sesuatu secara efektif. Dengan sebab itu, selain pengetahuan isi kandungan pengajaran, penyelidik bertujuan menentukan sejauh mana amalan pengajaran GPI dari aspek perancangan pengajaran, cara penyampaian pengajaran dan bagaimana pengajaran dinilai.

c Guru Pendidikan Islam (GPI)

GPI ialah tenaga pengajar yang terlatih dalam bidang perguruan atau pendidikan, mempunyai kelayakan serta kelulusan khusus yang diiktiraf oleh KPM dan bertugas di sekolah rendah mengajarkan mata pelajaran Pendidikan Islam.

1.14 Rumusan

Bahagian ini telah mengemukakan persoalan kajian dengan menjelaskan perkara asas yang diperlukan untuk menjalankan kajian. Untuk menjawab persoalan-persoalan yang timbul, sebuah kerangka konsep kajian telah dibentuk bagi menerangkan semua pemboleh ubah yang akan diteliti. Bahagian selanjutnya akan mengkaji literatur yang berkaitan dengan lingkungan kajian yang akan dilaksanakan.